

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH PERUBATAN PELATIH DI INSTITUT PERUBATAN DAN PERGIGIAN TERMAJU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kami dengan sukacitanya ingin mempelawa individu yang berminat dan berkeelayakan untuk memohon jawatan kosong Pensyarah Perubatan Pelatih di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia.

BIDANG

Pembedahan Am (General Surgery)

KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- ii. Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.
- iii. Pemohon hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia.
- iv. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.
- v. Had umur pemohon adalah tidak melebihi 40 tahun pada tahun 2025.

CARA MEMOHON

Sila majukan secara emel butiran jaya diri (CV) bergambar beserta salinan Kad Pengenalan, Perakuan Pendaftaran Penuh, Perakuan Amalan Tahunan, sijil-sijil akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada **19 Mei 2025** kepada :

Seksyen Pengurusan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Universiti Sains Malaysia
Emel : **spengurusan_ippt@usm.my**

Calon yang layak dan disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temuduga. Pemohon yang tidak mendapat sebarang makluman selepas tempoh 3 bulan adalah dianggap tidak berjaya.